

1063

PERANAN PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM) TERHADAP KEBAJIKAN MUALAF

Mohd Hakim Arshad, Mariam Abd Majid, Mustafa Kamal Amat Misra

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

mohdhakim@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kebajikan mualaf perlu diutamakan oleh masyarakat Muslim umumnya. Isu wanita Muslim yang menerima bantuan daripada Gereja Methodist, Damansara Utara pada Ogos 2011 menimbulkan persoalan sejauhmanakah ketelusan pengagihan bantuan oleh pihak berwajib. Dalam konteks di Malaysia, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan kebajikan mualaf. Termasuk di sini pengurusan yang melibatkan program pengajian, aktiviti sosial, hospitaliti dan kemudahan serta kewangan. Kajian bertajuk Peranan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Terhadap Kebajikan Mualaf memfokuskan kepada pengurusan kebajikan mualaf di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) melalui empat peranan iaitu program pengajian, aktiviti sosial, hospitaliti dan kemudahan serta kewangan. Pengkaji menggunakan metode soal selidik bagi mendapatkan data yang telah diedarkan kepada 100 responden. Dengan menggunakan SPSS 20, data-data dianalisa menggunakan kaedah peratusan. Hasil kajian menunjukkan Saudara Baru berpuashati terhadap pengurusan bantuan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). Boleh dikatakan bahawa atas dasar kewajipan dan ehsan pelbagai pihak, kebajikan golongan saudara baru dalam pelbagai aspek di negara ini telah cuba dipenuhi walaupun terdapat kekurangan yang perlu diperkemaskan dari semasa ke semasa.

Kata Kunci: Kebajikan Mualaf, PERKIM, Mualaf

1. PENGENALAN

Saudara baru adalah satu istilah yang sering digunakan bagi satu golongan atau individu yang baru sahaja memeluk agama Islam. Istilah ini merupakan ganti kepada perkataan mualaf yang juga sering digunakan dalam masyarakat kita di Malaysia.

Banyak usaha-usaha di dalam menjalankan aktiviti telah dirangka oleh badan-badan NGO seperti PERKIM khusus untuk golongan mualaf dalam menjaga kemaslahatan dan kebajikan. Ianya telah menjadi tanggungjawab pertubuhan ini untuk membantu, memimpin dan menunjuk ajar golongan mualaf.¹ Justeru itu, penulis akan mengkaji bentuk kebajikan yang dapat dikategorikan daripada pelbagai skop pengkhususan seperti bantuan kewangan, hospitaliti, penginapan, pengisian pendidikan dan penekanan yang diterapkan dalam setiap program yang dianjurkan oleh PERKIM dalam membantu golongan mualaf yang baru memeluk Islam.

Namun, masih terdapat juga masalah berkaitan golongan ini yang tidak diambil perhatian seperti mana kisah seorang wanita yang didapati menerima bantuan daripada Gereja Methodist Damansara Utara pada ogos 2011 yang lalu. Kejadian ini berlaku apabila wanita ini mengalami desakan hidup untuk menyara keluarganya apabila ditinggalkan oleh suaminya. Beliau terpaksa bekerja keras untuk mencari kewangan untuk menyara ahli keluarganya serta anak-anak yang masih kecil. Walaubagaimanpun wanita ini pernah mengunjungi pusat zakat serta jabatan kebajikan untuk memohon bantuan sara hidup namun ianya hanya sia-sia kerana beliau tidak dilayan oleh pegawai yang bertugas. Akibat daripada kesusahan yang dihadapi, kawan sekerjanya mencadangkan wanita tersebut untuk pergi meminta bantuan di suatu tempat yang mesra dan cepat iaitu Gereja Methodist Damansara

¹ Firdaus Lokman Tah. 2009. Buletin PERKIM. *Wawasan Dalam Berdakwah*. Disember.

Utara. Disitulah bermulanya hubungan yang baik antara pihak Gereja dan wanita tersebut dengan memberikan bantuan serta sentiasa datang menziarahi wanita tersebut bersama keluarganya.²

Berdasarkan usaha Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia ini, penyelidik ingin mengetengahkan satu kajian yang menunjukkan dalam usaha membantu mualaf, ianya bukan sahaja melibatkan pihak tertentu sahaja, tetapi sikap tanggungjawab terhadap saudara baru dan perasaan suka membantu juga perlu diterapkan dalam diri setiap individu muslim agar golongan mualaf ini tidak ditinggalkan begitu sahaja tanpa ada pemantauan lanjutan.

Hasil daripada rangkaian persoalan yang dinyatakan, penulis merasakan bahawa amat penting dalam mengkaji tahap kepuasan individu berkenaan perkhidmatan dan kebajikan yang dihulurkan. Ia bukan bertujuan untuk melemahkan mana-mana pihak yang terlibat, bahkan ia merupakan sebagai satu tunjang dalam NGO yang terlibat untuk sentiasa membuat sebarang perubahan dan penambahbaikan dalam menuju objektif yang ingin dicapai bagi kebaikan semua pihak.

Dengan itu, penjelasan dan penghuraian yang mendalam dam sejelasnya akan dibincangkan di dalam satu penulisan yang diilhamkan oleh penulis di bawah tajuk Pengurusan Bantuan Kebajikan Mualaf: Satu Kajian Di Perkim Kebangsaan.

2. MUALAF DALAM SEJARAH ISLAM

Firman Allah S.W.T:

إِنَّمَا الْصَّدَقَةُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ قُلُوبُهُمْ وَفِي
الرِّقَابِ وَالْغَرِيمَينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأُبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٌ .

Maksudnya:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah, dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

Surah at-Taubah (9):60

Kalimah mualaf hanya disebut sekali sahaja dalam al-Quran iaitu di dalam surah at-Taubah ayat 60 seperti yang tertera di atas. Oleh itu, ayat ini juga dikenali sebagai ayat agihan zakat. Maksud *muallafah qulubuhum* ialah pembesar-pembesar yang berwibawa daripada kalangan orang kafir musyrik yang dilembutkan hatinya dan diajak oleh Nabi Muhammad S.A.W supaya beriman dengan kalimah tauhid.³

²Mohd Aziz Ngah, Hardi Effendi Yaacob. 2011. Berita Harian. Ogos.

³Mujaini Tarimin. 2005. *Golongan Penerima Zakat Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*. Kuala Lumpur: Pantas Set Sdn. Bhd. Hlm. 39.

Rasulullah S.A.W memutuskan mereka berhak mendapat agihan zakat supaya mereka tidak menimbulkan permusuhan, tidak melakukan perkara yang menyulitkan dan bersedia membantu mengekalkan suasana aman diperbatasan. Melalui cara ini, dakwah Islam dapat dikembangkan. Sebagai balasan mereka dibenarkan mendapat agihan dana zakat sebagaimana yang disebutkan di dalam nas al-Quran.⁴

Dalam erti yang lain, mualaf adalah termasuk di dalam golongan orang yang masih lemah niatnya dalam Islam. Iman mereka dalam Islam masih lemah maka diberikan kepada mereka zakat supaya lebih teguh imannya. Ini telah dilaksanakan pada zaman Rasulullah S.A.W dan zaman Khalifah Abu Bakar. Walau bagaimanapun, ia telah tidak dilakukan oleh Khalifah Umar. Mualaf boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu orang yang memeluk Islam dan orang kafir.⁵

2.1 Konsep Mualaf

Ia merupakan perkataan bahasa Arab yang membawa erti orang yang dijinakkan hati mereka untuk memeluk agama Islam. Menurut Kamus Dewan, ia membawa maksud orang yang baru memeluk Islam.⁶ Mualaf juga ditakrifkan sebagai orang baru memeluk Islam dan golongan ini berhak menerima pembahagian zakat.

Mualaf juga didefinisikan sebagai mereka yang memeluk Islam dan tidak diberi sedekah (zakat) kepada musyrik (orang kafir) yang dijinak-jinakkan kepada Islam.⁷

Kesimpulannya, mualaf adalah orang Muslim (bukan kafir) yang menurut Khalifah dengan memberikan zakat kepada mereka akan wujudnya suatu kemaslahatan dengan kukuhnya keislaman mereka.

2.2 Klasifikasi Asnaf Mualaf Pada Zaman Rasulullah S.A.W

Para fuqaha' telah mengkategorikan asnaf mualaf kepada dua jenis iaitu seorang muslim yang baru memeluk agama Islam dan orang kafir. *Ibn al-Arabi* pula memperincikan pengelasan setiap asnaf mualaf muslim dalam kitab *Tafsir al-Ahkam* kepada empat bahagian iaitu mualaf muslim dan mualaf musyrik⁸.

2.2.1 Mualaf Muslim

Mualaf muslim terbahagi kepada empat jenis:

1. Muslim yang lemah imannya sekalipun telah memeluk Islam. Golongan ini layak mendapat agihan zakat untuk memperteguh jiwa keislamannya kerana setelah mereka memeluk Islam serta meninggalkan kaumnya kemungkinan mereka dipencarkan, dihalau dan diugut sehingga sumber ekonominya terhalang.

⁴*Ibid.* Hlm. 40.

⁵ Nik Mustapha Nik Hassan. 2001. *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Malindo Printers Sdn. Bhd. Hlm. 9.

⁶ Hajah Noresah Baharom. 1996. *Kamus Dewan*. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Hlm. 900.

⁷ Ariffin Omar. 2006. *Sedekah Jaminan Keharmonian Umat Menurut Sunnah*. Kuala Lumpur: Print-Ad Sdn. Bhd. Hlm. 80.

⁸ Mujaini Tarimin. 2005. *Golongan Penerima Zakat Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*. Kuala Lumpur: Pantas Set Sdn. Bhd. Hlm. 41.

2. Ketua kabilah yang ramai pengikut. Pengikut dan ketua harus diberi agihan dana zakat kerana dengan pemberian yang berupa kekayaan atau harta benda mereka akan terus berminat terhadap ajaran dan orang Islam.
3. Penduduk muslim yang menetap di sempadan negeri serta berjiran pula dengan orang kafir dan negara musuh. Semua penduduk harus menerima agihan dana zakat kerana pemberian itu diharapkan mereka dapat bertahan dan memberi kerjasama menjaga negara dari serangan musuh luar.
4. Ketua kabilah yang tinggal jauh daripada pusat pemerintahan dan terdapat penduduk tempatan membayar zakat kepada mereka kerana tidak terdapat pegawai zakat khas yang ditugaskan disebabkan kos pengurusan yang tinggi.

2.2.2 Mualaf Kafir Musyrik

Ibn Arabi berpendapat, agihan dan zakat kepada kaum kafir terbahagi kepada dua bahagian⁹:

- i. Kafir musyrik yang diharapkan kebaikan mereka berdasarkan minatnya dan kecenderungan mereka terhadap ajaran Islam. Untuk mendekati serta menambat hati mereka, mereka harus diberi agihan dana zakat.
- ii. Golongan musyrikin yang menggugat kesejahteraan orang Islam dan aktiviti dakwah Islam. Rasulullah S.A.W pernah dikunjungi oleh sekumpulan kabilah Arab yang berniat untuk mengugut Baginda jika tidak mahu menyerahkan habuan kebendaan kepada mereka. Baginda membuat keputusan supaya mereka diberi habuan kebendaan daripada harta zakat. Ini bukan bererti Baginda takut kepada mereka, sebaliknya bertujuan untuk menarik hati mereka kepada agama Islam.

2.3 Bantuan Mualaf

Rasulullah S.A.W memberi zakat kepada orang yang baru memeluk Islam yang memiliki sifat sama ada yang lemah imannya, atau yang mempunyai pengaruh kepada orang lain dan kemampuan untuk berdakwah. Mereka ini dinamakan golongan yang mempunyai sifat *muallafah qulubuhum*. Jika kita imbas kembali pada zaman bermulanya syiar Islam yang dahulu, dapat kita lihat bantuan mualaf ini telah beroperasi sejak dari zaman Rasulullah S.A.W.¹⁰

2.3.1 Zaman Rasulullah S.A.W

Pada zaman Rasulullah S.A.W, Baginda telah memberikan zakat kepada golongan mualaf untuk menjinak-jinakkan mereka dengan Islam di samping mengharapkan mereka mempengaruhi kaum masing-masing supaya memeluk agama Islam.

Sabda Rasulullah s.a.w:

“Tidak diminta sesuatu kepada Rasulullah S.A.W kerana Islam melainkan Baginda memberinya. Anas berkata seorang lelaki datang kepadanya (untuk meminta sesuatu) lalu Baginda memberi kepadanya biri-biri yang berada di antara dua bukit, lalu lelaki tersebut balik kepada kaumnya dan berkata:

⁹Mujaini Tarimin. 2005. *Golongan Penerima Zakat Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*. Kuala Lumpur: Pantas Set Sdn. Bhd. Hlm. 42.

¹⁰Ariffin Omar. 2006. *Sedekah Jaminan Keharmonian Umat Menurut Sunnah*. Kuala Lumpur: Print-Ad Sdn. Bhd. Hlm. 85.

Wahai kaumku, hendaklah kamu memeluk Islam kerana Muhammad memberi pemberian yang tidak takut kepada kepapaannya”.

Hadis Riwayat Muslim

Hadis tersebut menunjukkan bahawa Rasulullah S.A.W memberi zakat kepada *muallafa qulubuhum* yang mampu berdakwah dan mempengaruhi orang lain bagi memeluk agama Islam. Berdasarkan fakta ini, ia memberi gambaran bahawa Rasulullah S.A.W memberi zakat kepada golongan mualaf ini bukan berasaskan semata-mata baru memeluk agama Islam, malah sudah pasti mempunyai sebab yang lain di samping baru memeluk Islam seperti iman yang lemah, kemampuan berdakwah, dan mempunyai pengaruh ke atas orang lain.¹¹

2.3.2 Zaman Sahabat Rasulullah

Walau bagaimanapun, Sayidina Abu Bakar as-Siddiq dan Sayidina Umar al-Khattab tidak memperuntukkan zakat kepada orang yang baru memeluk Islam pada zaman pemerintahan masing-masing kerana mereka tidak lagi memiliki sifat-sifat *muallafah qulubuhum* seperti yang ditafsirkan oleh Rasulullah S.A.W. sifat-sifat *muallafah qulubuhum* yang telah ditafsirkan oleh Rasulullah S.A.W itu adalah bersifat sementara dan boleh berubah-ubah dari satu keadaan ke keadaan yang lain pula.¹²

Hal ini menyebabkan kedua-dua sahabat Rasulullah S.A.W tidak lagi memberi zakat kepada golongan yang baru memeluk Islam seperti kepada Abu Sufyan, ‘Uyainah, al-Aqra’, dan Abbas Ibn Mirdas di mana mereka pernah menerima zakat semasa Baginda masih hidup.¹³

Kesimpulannya pengurusan hak golongan mualaf adalah satu perkara yang penting dalam sistem pentadbiran Islam. Pengurusan yang baik pasti akan memastikan golongan ini terus mencintai Islam dan akan menjadi aset penting di dalam perkembangan Islam.

2.3.3 Zaman Kontemporari

Jika dilihat, sistem bantuan kebajikan kepada golongan mualaf bukan sahaja berlaku pada zaman Rasulullah dan para sahabat. Namun begitu, ia merupakan amalan yang berterusan hingga masa kini. Di era yang semakin berkembang pesat ini, banyak persatuan-persatuan yang ditubuhkan demi untuk menjamin masa depan golongan baru ini.

Sebagai contoh, pihak Perkim atau lebih dikenali sebagai Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia menawarkan pelbagai bentuk bantuan kebajikan kepada golongan mualaf bagi memastikan kehidupan mereka lebih terjamin dan selamat.

Selain itu, masih banyak NGO-NGO lain yang menawarkan perkhidmatan dan kemudahan bagi membantu golongan ini seperti JAKIM, MAIS, HIDAYAH CENTRE, MUALAF HEALTH CARE dan sebagainya.

3. Sejarah Pertubuhan Perkim

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) ialah sebuah pertubuhan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada 20 Ogos 1960. PERKIM merupakan satu-satunya

¹¹ Ariffin Omar. 2006. *Sedekah Jaminan Keharmonian Umat Menurut Sunnah*. Kuala Lumpur: Print-Ad Sdn. Bhd. Hlm. 83.

¹² *Ibid.* Hlm. 84.

¹³ *Opcit.* Hlm. 85.

pertubuhan yang bergerak dalam bidang kebajikan dan dakwah kepada orang Islam dan bukan Islam. Tunku Abdul Rahman telah mengadakan perjanjian persefahaman (MOU) dengan kerajaan Libya dalam usaha beliau untuk menubuhkan PERKIM. Beliau Berjaya mendapatkan pinjaman daripada kerajaan Libya ketika awal penubuhannya.

Kini bangunan PERKIM kebangsaan terletak di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur, iaitu di Jalan Ipoh. PERKIM mempunyai cawangannya di setiap negeri di seluruh Malaysia. Secara umumnya PERKIM merupakan sebuah pertubuhan yang menitikberatkan persoalan kebajikan orang Islam amnya dan golongan mualaf khususnya dengan memberikan rawatan perubatan percuma kepada golongan sasaran. Selepas penubuhannya, langkah awal yang dijalankan oleh PERKIM ialah berusaha memperkenalkan Islam kepada masyarakat Cina dan India di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Namun kini usaha dakwah PERKIM telah diperluas kepada pelbagai golongan sasaran termasuk masyarakat Orang Asli.¹⁴

PERKIM merupakan satu-satunya pertubuhan di negara ini yang bergerak dalam bidang kebajikan dan dakwah kepada orang Islam dan bukan Islam. Walaupun Tunku tidak lagi menjadi Presiden Pertubuhan ini, PERKIM masih kekal sebagai sebuah pertubuhan yang terkenal, sama ada dalam negeri atau diperingkat antarabangsa. Pertubuhan ini kini diketuai oleh Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud Al-Haj yang juga merupakan Ketua Menteri Sarawak.¹⁵

Pada tahun 1977, Tunku Abdul Rahman telah meletakkan batu asas sebuah bangunan 20 tingkat di Jalan Ipoh Kuala Lumpur. Sebuah podium blok yang berharga enam juta ringgit telah didirikan. Tun Datuk Mustafa telah bermurah hati untuk menghulurkan pinjaman awal. Bagi melanjutkan usaha untuk mendirikan menara bangunan, pihak Jamiah Dakwah Jamhuriyah Libya telah menghulurkan pinjaman bagi menyempurnakannya. Pada 10 Oktober 1980 kompleks PERKIM telah dirasmikan.

PERKIM kini terus bergerak cergas menyebarkan dakwah disebarluaskan kepada pelbagai bangsa di Malaysia, PERKIM mempunyai pegawai-pegawai dakwah yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Ini membolehkan mereka menyebarkan Islam dengan menggunakan bahasa ibunda mereka sendiri. Pegawai-pegawai dakwah terdiri daripada orang Cina, India, Thai, dan Kemboja. Antara aktiviti dakwah yang diberi keutamaan oleh PERKIM termasuklah dakwah kepada orang Asli.

3.1 Objektif Penubuhan Perkim¹⁶

Tujuan dan matlamat PERKIM sebagaimana yang ditetapkan oleh Almarhum Tunku, semasa PERKIM ditubuhkan, ialah semata-mata untuk menyampaikan syiar Islam kepada orang bukan Islam sebagai satu amalan ikhlas, tanpa apa-apa ganjaran selain dari keredaan Allah S.W.T. Inilah yang menjadi syarat keahlilan PERKIM yang terkandung dalam Perlembagaan PERKIM.

3..1.1 Dakwah

Menjalankan dakwah Islamiyyah kepada orang-orang Islam dan bukan Islam dengan cara positif dan berkesan.

¹⁴http://www.perkimselangor.net/latar_belakang_perkim.htm. 18 Ogos.

¹⁵<http://www.perkim.net.my>. 4 Julai

¹⁶Firdaus Lokman Tah. 2009. Buletin PERKIM. *Wawasan Dalam Berdakwah*. Disember.

3.1.2 Pendidikan

Memberi, mengada, mengurus dan menjalankan pelajaran serta pendidikan Islam menerusi segala media dan segala jalan yang sah di sisi undang-undang.

3.1.3 Kebajikan

Menjalankan semua kerja kebajikan termasuk memberi bantuan, derma, biasiswa kepada sesiapa yang berkelayakan dan menjalankan lain-lain amal jariah kepada mereka yang sakit, miskin, susah dan daif.

3.1.4 Kerjasama dalam bidang agama Islam

Menubuhkan perantaraan dan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan Islam yang lain demi kemajuan agama Islam.

3.1.5 Lain-lain

Menjalankan kegiatan lain-lain demi kepentingan dan kemajuan agama Islam. Dalam merealisasikan objektif penubuhannya, Perkim mempraktikkan penyebaran syiar dakwah Islamiyyah berdasarkan kerja-kerja kebajikan yang terbukti telah memberi manfaat kepada semua kelompok masyarakat, sekaligus dapat meningkatkan imej Islam serta menghapuskan sebarang prasangka buruk terhadap Islam.

4. Saran Dan Cadangan

Terdapat beberapa saranan dan cadangan bagi membantu meningkatkan peranan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) terhadap Kebajikan Mualaf. Antaranya:

4.1 Mewujudkan lebih banyak program pengajian serta aktiviti sosial ternyata banyak memberi kesan kepada minat mualaf terhadap Islam. Ini dapat membantu meningkatkan keimanan dan memantapkan aqidah mualaf.

4.2 Memberi peluang kepada mualaf untuk mengemukakan sebarang masalah atau persoalan serta cadangan yang mampu mengeratkan serta merapatkan hubungan antara mualaf dan pihak PERKIM agar mereka tidak berasa terasing apabila berhadapan dengan masyarakat kelak dan membantu PERKIM untuk merangka sesuatu aktiviti bagi meningkatkan prestasi PERKIM hasil daripada cadangan yang diberikan oleh mualaf.

4.3 Melatih mualaf untuk menjadi pendakwah dan mampu menarik minat masyarakat bukan Islam yang lain untuk memeluk agama Islam.

4.4 Menyediakan infrastruktur serta kemudahan yang mencukupi bagi menampung keperluan mualaf yang kian bertambah. Ini dapat mengekalkan hati mualaf ini terhadap agama Islam dan tidak akan menyebabkan mualaf berasa susah apabila memeluk agama Islam.

4.5 Melatih tenaga pengajar agar lebih mantapkerana ia menentukan keberkesanan metode pengajaran serta penyampaian dakwah terhadap golongan mualaf ini untuk memahami Islam dengan lebih mendalam dan melancarkan segala sesi pengajaran serta interaksi antara mualaf dan tenaga pengajar.

5. RUJUKAN

- Firdaus Lokman Tah. 2009. Buletin PERKIM. *Wawasan Dalam Berdakwah*. Disember.
- Mohd Aziz Ngah, Hardi Effendi Yaacob. 2011. *Berita Harian*. Ogos.
- Mujaini Tarimin. 2005. *Golongan Penerima Zakat Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*. Kuala Lumpur: Pantas Set Sdn. Bhd.
- Nik Mustapha Nik Hassan. 2001. *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Malindo Printers Sdn. Bhd.
- Hajah Noresah Baharom. 1996. *Kamus Dewan*. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ariffin Omar. 2006. *Sedekah Jaminan Keharmonian Umat Menurut Sunnah*. Kuala Lumpur: Print-Ad Sdn. Bhd.
- http://www.perkimselangor.net/latar_belakang_perkim.htm. 18 Ogos.